

UCAPAN SEMBAH TAAT SETIA
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR SEMPENA ULANG TAHUN
HARI KEPUTERAAN KE 73 DULI YANG MAHA MULIA SULTAN
SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

Ampun Tuanku

Menghadap

Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang DiPertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Ampun Tuanku beribu – ribu ampun,

Sembah patik mohon diampun.

Didahulukan segalanya, seraya mengangkat puji-pujian dan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Taa'la, yang telah memberi izin dan limpahan kurnia-Nya kepada kita semua di pagi yang sejahtera dan diberkati ini.

Patik mewakili seluruh rakyat jelata, barisan kepimpinan dan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, merafak sembah taat setia dan menjunjung kasih tahniah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang DiPertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya bersempena Ulangtahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang ke-73.

Patik dan seluruh rakyat jelata amat berbangga dinaungi kedaulatan Tuanku Sultan. Patik-patik sekalian senantiasa mendoakan agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri serta kerabat DiRaja Negeri Selangor dikurniakan dan dilimpahi rahmat, kemuliaan serta kesihatan yang baik hendaknya.

Sesungguhnya bersemayam Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas takhta selama 17 tahun, adalah dengan keredhaan Allah SWT jua. Dengan bernaungnya Negeri Selangor di bawah keredhaan itu, maka aman dan sejahteralah seluruh rakyatnya.

Ampun Tuanku,

Raja Ali Haji ilmuwan tersohor umat Melayu dari titisan leluhur yang sama dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menghasilkan banyak karya muktabar dan di antaranya adalah pesan-pesan yang terkandung dalam Gurindam Dua Belas.

Beginilah di antara nasihat beliau:

"Raja muafakat dengan menteri,

seperti kebun berpagarkan duri.

Betul hati kepada raja,

tanda jadi sebarang kerja.

Hukum adil atas rakyat,

tanda raja beroleh Inayat."

Hikmah yang dinukilkan ini menjadi peringatan kepada patik dan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, bahawasanya Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen itu merupakan tiang seri kepada pemerintahan yang dipilih rakyat.

Raja dan rakyat berpisah tiada. Duli Yang Maha Mulia Tuanku laksana pohon yang rendang, tempat rakyat berteduh memayungi kerajaan yang adil, makmur dan berdaulat.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan segala kebesarannya telah bermurah hati memberi izin menaungi patik sekalian mentadbir negeri yang bertuah ini ibarat layar terkembang membolehkan deru angin membawa jauh kapal berlayar menuju destinasi yang ditujui.

Sifat Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaku jurumudi kepada negeri yang dikasihi ini adalah ibarat apa yang dirakamkan Plato dalam Buku ke Enam Res Publica, Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagaikan ***"jurumudi sebenar yang memberi perhatian yang teliti pada tahun, musim, langit, bintang dan angin."***

Makanya adalah menjadi tanggungjawab patik untuk memberi segenap taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan moga daripadanya hadirilah pedoman serta inayah keazaman dan ikhtiar mentadbir berteraskan prinsip-prinsip kebertanggungjawaban, ketelusan dan keadilan.

Tatanegara turun-temurun orang Bugis ada mengungkapkan perihal **Tudang Sipulung**. Maksud harfiah dari istilah tersebut adalah duduk bersama-sama. Amalan bermusyawarah disulami adab serta pekerti mulia merupakan semangat utama kepada tudang sipulung ini. Sesungguhnya Alam Melayu sudah lama menikmati permuafakatan erat serta utuh di antara Raja dan rakyatnya. Sayugia diingatkan Kitab Taj al Salatin, perihal tanggungjawab pemerintah dan yang diperintah ditulis Bukhara Al Jauhari pada 1603, delapan puluh enam tahun lebih awal dari ***Two Treatises of Government*** yang dikarang pemikir Inggeris, John Locke.

Ampun Tuanku,

Keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap isu semasa dan kemaslahatan rakyat senantiasa menjadi tauladan kepada patik dan pentadbiran Kerajaan Negeri. Ketika isu perkahwinan bawah umur menggemparkan negara, Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah memberi perkenan untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 bagi menaikkan had umur minimum perkahwinan Islam dari umur 16 tahun kepada 18 tahun ketika Istiadat Pembukaan Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor ke Empat Belas.

Alhamdulillah dengan daulat, kemuliaan dan kebesaran Duli Yang Maha Mulia Tuanku, pindaan ini telah berjaya dibentangkan dan diluluskan dalam Sidang Dewan pada 6 September 2018 sekaligus menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri pertama yang meminda had minimum umur perkahwinan Islam di Malaysia. Patik dan sekalian rakyat berasa bertuah dan berbangga dinaungi Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang cukup arif dan bijaksana.

Ampun Tuanku,

Negeri Selangor Darul Ehsan terus mencatat kejayaan dan kegemilangan di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Pada tahun 2017, Negeri Selangor terus menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dengan 23 peratus, peningkatan dari 22.7 peratus pada tahun sebelumnya. Kedudukan kewangan yang kukuh serta pentadbiran yang mengamalkan ketelusan dan keterbukaan menyaksikan Negeri Selangor terus menjadi tumpuan para pelabur dalam dan luar negara.

Pada 23 November lalu, Belanjawan Negeri Selangor 2019 telah dibentangkan berteraskan kemahuan untuk merancakkan ekonomi, memberdaya rakyat dan mensejahterakan negeri. Kerajaan yang dinaungi Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus melaksanakan program dan inisiatif bagi memacu pertumbuhan ekonomi sekaligus membela kebajikan rakyat.

Demi memacu pertumbuhan ekonomi Selangor, patik dan pentadbiran Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan dasar Klusterisasi atau Gugusan Ekonomi Selangor. Dasar ini bercita-cita memacu ekonomi setempat dengan menggunakan aset dan potensi yang dimiliki oleh setiap daerah dan wilayah. Patik dan pentadbiran Kerajaan Negeri telah mengenalpasti aset dan potensi setiap Gugusan Ekonomi ini dan akan melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi mewujudkan peluang pekerjaan, menarik pelaburan domestik dan antarabangsa dan seterusnya memberi suntikan infrastruktur untuk memacu pertumbuhan sosio-ekonomi yang diharapkan akan memberi **'spillover effect'** kepada pertumbuhan ekonomi negeri Selangor secara keseluruhannya.

Ampun Tuanku,

Patik dan pentadbiran negeri sedar bahawa pembangunan materi yang tidak dikawal akan menyebabkan ancaman kepada alam sekitar di negeri yang bertuah ini. Penjagaan alam sekitar dan ekosistem flora dan fauna di negeri Selangor adalah aset yang perlu dipelihara dan diwarisi kepada generasi akan datang.

Makanya, dalam Belanjawan Negeri Selangor 2019, patik dan pentadbiran negeri telah merencana langkah dan usaha secara komprehensif bagi mengutamakan kelestarian alam sekitar di negeri ini. Fokus diberi kepada Program Pelaksanaan Tanam Pokok Dalam Bandar serta Pengindahan Lanskap di sekitar negeri Selangor. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM 3.15 juta bagi melaksanakan pelan ini yang diyakini dapat mewujudkan perbandaran hijau memfokuskan kepada usaha penanaman pokok di dalam bandar agar dapat menjamin ekosistem biodiversiti alam sekitar yang sihat.

Ampun Tuanku,

Sesungguhnya rakyat yang bernaung di bawah payung kebesaran Duli Yang Maha Mulia Tuanku merupakan masyarakat yang majmuk, rencam adat serta budayanya. Sekaliannya diam di negeri yang amat beruntung ini demi mencari rezeki dan bertumpang teduh berlindung. Besar sungguh daulat Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Negeri Selangor ini.

Justeru, patik sekalian tidak akan membenarkan dan bertolak-ansur dengan anasir-anasir yang mahu menyebabkan kegeruhan di negeri ini. Patik dan pentadbiran negeri akan memastikan kesentosaan negeri buat sekalian rakyat Negeri Selangor. Segala bentuk chauvinisme kaum mahupun agama tidak punya tempat di negeri Selangor yang kosmopolitan ini.

Ampun Tuanku,

Sejajar dengan prestij negeri ini sebagai sebuah negeri maju, makanya tidaklah memadai ianya sekadar menjadi Gerbang Ekonomi Negara. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri telah melakar rencana untuk membangunkan Shah Alam Modern Arts. Adalah diharapkan dalam masa tiga tahun sebuah galeri seni yang bakal menempatkan karya-karya seniman tersohor dari rantau Asia Tenggara dan memberi ruang kepada seniman tempatan. Arakian nanti semoga berbondong-bondonglah rakyat Duli Yang Maha Mulia Tuanku melawat galeri seni tersebut demi memugar benih pencerahan.

Ampun Tuanku,

Tidak terperi besar amanah yang digalas patik sekalian, bersama-sama barisan kepimpinan dan pentadbiran Negeri Selangor demi merancakkan ekonomi, memberdaya rakyat dan mensejahterakan negeri. Apalah ertinya jika hasil mahsul negeri berlimpah ruah namun kehidupan rakyat masih tidak terbela. Kerana itu Kerajaan Negeri membulatkan tekad memastikan sekalian rakyat dapat menyertai serta mempunyai akses terhadap pembangunan yang dijana agar mereka dapat **Maju Bersama**. Pentadbiran negeri sewajarnya amat dekat dengan rakyat jelata sebagaimana yang diungkapkan:

Yang didahulukan selangkah,

Yang ditinggikan seranting,

Yang dilebihkan serambut,

Yang dimuliakan sekuku.

Mengakhiri ucapan sembah taat setia hari ini, izinkan patik mengungkapkan serta mengingatkan diri patik dan warga Negeri Selangor akan salah satu teras Rukun Negara yakni **"KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA"**. Jangan sesekali kita alpa dari teras ini kerana ianya merupakan di antara rumusan bagi memastikan ketenteraman serta perpaduan rakyat Malaysia amnya, dan Negeri Selangor khususnya.

Ampun Tuanku,

Patik dan sekalian rakyat memohon ke hadrat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor dianugerahkan kesihatan yang berkekalan dalam kemanisan iman, dipelihara keselamatan dan kesejahteraan yang berpanjangan untuk terus memerintah Negeri Selangor Darul Ehsan dengan segala kemuliaan.

Doa sekalian rakyat juga dipanjatkan ke hadrat Allah SWT untuk Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor dan seterusnya kepada puteri – puteri dan adinda – adinda Tuanku, waris – waris serta kerabat DiRaja sekalian, semoga berada dalam keadaan kesejahteraan, dikurniakan taufik dan hidayah, serta senantiasa dalam perlindungan Allah SWT.

Ampun Tuanku,

Dari Jugra ke Pulau Penyengat

Bawa restu disinar cahaya

Begitu jua kata tersemat

Dari patik yang taat setia.